



## ARTIKEL

### MELABUR DENGAN YAKIN: PANDUAN AWDA KE ARAH PERJALANAN KEWANGAN YANG LEBIH BIJAK

Minggu Pelabur Sedunia ataupun World Investor Week [WIW] merupakan acara global yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pendidikan dan perlindungan pelabur serta celik kewangan. Ini adalah sejajar dengan misi Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] dan Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam [BCMA] untuk memperkuuh celik kewangan serta keyakinan orang ramai dalam pasaran modal.

Sempena inisiatif ini, BDCB dan BCMA sukacita mengongsikan beberapa tip untuk awda mula melabur dengan yakin!

#### **Apakah yang dimaksudkan dengan melabur dengan yakin?**

Ia bermakna membuat keputusan pelaburan berdasarkan ilmu dan kefahaman dan bersandarkan pada strategi kewangan yang jelas serta mencerminkan matlamat serta tahap toleransi risiko awda. Ia bukanlah kerana tuah atau tekaan – tetapi dari pengetahuan dan persediaan yang mencukupi.

Berikut merupakan beberapa cara untuk membina keyakinan tersebut:

#### **1. Bina Asas yang Kukuh**

Sebelum meneroka pelaburan yang kompleks, pastikan awda mempunyai asas kewangan yang kukuh. Ini termasuk melunaskan hutang berfaedah tinggi serta menyediakan simpanan kecemasan. Seterusnya, fahami asas pelaburan, termasuk pasaran kewangan, kelas aset, dan risiko yang berkaitan. Manfaatkan peluang pendidikan seperti seminar, kursus dalam talian, dan nasihat pakar. Keputusan awda akan lebih berasas dengan pengetahuan yang mencukupi.

#### **2. Fahami Tahap Toleransi Risiko Awda**

Setiap pelaburan mempunyai risiko. Mengetahui tahap risiko yang awda sanggup hadapi serta merasa selesa terhadap volatiliti jangka pendek demi potensi keuntungan jangka panjang adalah penting. Pilihlah pelaburan yang sesuai dengan tahap risiko yang sanggup dihadapi serta matlamat kewangan jangka pendek dan panjang awda.

#### **3. Pelbagaiakan Pelaburan Awda**

Prinsip utama dalam pelaburan penuh berkeyakinan ialah kepelbagaiaan. Dengan melabur dalam gabungan saham, bon, hartanah, dan aset lain, awda akan dapat mengurangkan kesan buruk daripada prestasi lemah satu-satu pelaburan. Kepelbagaiaan membantu menstabilkan pulangan dari semasa ke semasa dan mengurangkan kesan volatiliti pasaran terhadap seluruh portfolio pelaburan awda.

#### **4. Sentiasa Mengikuti Perkembangan**

Ikuti perkembangan pasaran melalui saluran rasmi seperti berita kewangan dan platform dalam talian yang sahih, serta pelajari pelbagai pilihan pelaburan. Dengan kes penipuan semakin berleluasa, sentiasalah berwaspada dan periksa kesahihan mana-mana peluang pelaburan. Elakkan pelaburan berisiko tinggi yang menjanjikan pulangan segera kerana ia kebiasaannya adalah tanda skim penipuan.

#### **5. Pertimbangkan Dana yang Diurus Secara Profesional**

Jika pemilihan saham secara individu dirasakan rumit, pertimbangkan pilihan yang diurus secara profesional seperti *unit trusts*, *mutual funds*, *ETFs* (*exchange-traded funds*), atau *REITs* (*real estate investment trusts*). Dana-dana ini menawarkan kepelbagaian pelaburan serta pengurusan oleh profesional-profesional yang dapat membantu awda kekal melabur dan fokus terhadap matlamat jangka panjang, tanpa perlu memantau pasaran secara berterusan.

#### **6. Semak dan Sesuaikan Portfolio Secara Berkala**

Pasaran dan keadaan hidup sentiasa berubah. Menyemak portfolio awda secara kerap, seperti setiap tahun atau setiap setengah tahun, akan memastikan ia sentiasa selaras dengan matlamat kewangan dan tahap risiko awda. Penyesuaian mungkin diperlukan dari masa ke masa jika berdepanan dengan peluang baharu atau perubahan dalam kehidupan.

#### **7. Bersabar dan Berdisiplin**

Elakkan membuat keputusan tergesa-gesa berdasarkan volatiliti jangka pendek pasaran. Kekalkan strategi jangka panjang awda walaupun pasaran tidak menentu. Kesabaran dan disiplin akan membantu awda menghadapi volatiliti pasaran yang tidak dapat dielakkan.

#### **8. Rujuk Hanya kepada Profesional Bertauliah dan Berlesen**

Dapatkan nasihat daripada profesional yang dilesenkan oleh BDCB dan berafiliasi dengan BCMA. Profesional yang bertauliah ini dapat membantu awda menjelaskan matlamat kewangan, menilai tahap risiko, serta membangunkan strategi pelaburan yang sesuai dengan objektif jangka panjang awda.

Bagi nasihat untuk membantu awda melabur dengan yakin dan bertanggungjawab, hubungi BCMA di [www.bcma.org.bn](http://www.bcma.org.bn).